

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 16 MAC 2009, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 16

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1221-L17333
Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimanakah Belanjawan 2009 akan menggalakkan kemasukan pelaburan IKS-IKS luar negeri ke negara kita memandangkan mereka harus menjadi sasaran Kerajaan untuk merancang lagi pemindahan teknologi dan R&D di negara kita.
2. PR-1221-L16970
Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapakah peruntukan perbelanjaan untuk program TEKUN Rakan Niaga 2008 dan 2009 serta bagaimanakah kaedah perlaksanaannya.
3. PR-1221-L17932
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah syarikat-syarikat kelolaan Khazanah Nasional yang telah mendapat untung pada tahun 2008. Berikan data-data mengikut susunannya.
4. PR-1221-L17485
Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan akan menggalakkan orang ramai supaya lebih mengamalkan makanan sayur-sayuran dan mengurang atau mengelakkan memakan daging yang tidak sesuai untuk manusia dari segi kesihatan, etika dan sains.

- in Bujang [Sibuti]** minta **MENTERI SUMBER**
TAR menyatakan apakah bentuk infrastruktur
yang telah disediakan oleh Kerajaan untuk pengurusan sisa pembuangan
elektronik (e-waste) di Jabatan Kerajaan, hospital dan sektor swasta yang
menggunakan peralatan elektronik seperti komputer. Adakah satu bentuk
kempen kesedaran mengenai e-waste telah dijalankan.
6. PR-1221-L16868
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI**
SUMBER MANUSIA menyatakan bagaimana pekerja yang telah dibuang
kerja tetapi berminat menyertai program latihan vokasional (Skills
Retraining) yang ditawarkan oleh Kerajaan akan menampung keperluan
harian untuk keluarga mereka mengikut kursus latihan.
 7. PR-1221-L18281
Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta **MENTERI**
KESIHATAN menyatakan plastik adalah satu bahan yang amat
berbahaya kepada kesihatan jika dibakar atau digunakan untuk
bungkusan makanan panas. Minta penjelasan apakah strategi
Kementerian untuk memberi penerangan dan mendidik rakyat kerana
bahan dioxin yang dihasilkan sudah terbukti antara penyebab kepada
penyakit kanser.
 8. PR-1221-L18022
Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **MENTERI PERUMAHAN**
DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sama ada terdapat undang-
undang terbaru ataupun cadangan daripada Kementerian yang mana
pemaju-pemaju rumah pangsa harus mengemukakan permohonan %trata
title+atas satu projek baru dalam tempoh masa yang tertentu.
 9. PR-1221-L17850
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI KEWANGAN**
menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengenal
pasti dan menghapuskan pembaziran dalam perbelanjaan pembangunan
dan pentadbiran.
 10. PR-1221-L16531
Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **MENTERI KEWANGAN**
menyatakan apakah ada cadangan supaya semua gaji dan elaun
Pengerusi dan CEO Syarikat GCLC dipotong 50% serta merta
memandangkan keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu, manakala
gaji yang diterima begitu lumayan dan dikritik masyarakat.
 11. PR-1221-L18323
Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] minta **MENTERI**
SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan apakah terdapat imej-
imej satelit yang dibekalkan oleh Agensi Remote Sensing Negara
digunakan bagi tujuan membanteras pendatang tanpa izin di Sabah dan
juga Semenanjung Malaysia.

- on bin Ismail [Machang]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa peratus umat Islam yang menyimpan dengan Tabung Haji, berikan pecahannya mengikut negeri dan apakah langkah dan strategi yang diambil Kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai umat Islam berbuat demikian.
13. PR-1221-L16887
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jenis buah-buahan tempatan yang berpotensi di pasaran antarabangsa dan sejauh mana usaha Kementerian menggalakkan para petani untuk mengusahakan tanaman buah-buahan tersebut.
 14. PR-1221-L18352
Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk memastikan proses Pilihan raya Majlis Perwakilan Pelajar di Universiti awam di Malaysia adalah dijalankan dengan telus dan bebas.
 15. PR-1221-L17141
Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan setiap tahun meneruskan peruntukkan kepada sekolah bantuan jenis cina dan mission school negeri Sarawak yang daif khasnya di kawasan luar bandar. Jika tidak, kenapa.
 16. PR-1221-L17089
Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa jika broadband di takrif sebagai kelajuan minima 1Mbps ke atas maka kadar penembusan broadband di Malaysia akan jatuh menjadi kurang daripada 3 peratus memandangkan banyak negara Asia kini memperolehi broadband 4Mbps ke atas sebagai paras entry level bagi pengguna sehari-hari.
 17. PR-1221-L17691
Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memendekkan tempoh perjalanan antara Sipitang-Bandar Seri Begawan (Brunei) terutama sekali pihak Imigresen yang selalu menjadi rungutan kerana pasport akan di cop sebanyak tujuh kali setiap perjalanan.
 18. PR-1221-L18236
Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah pekerja yang diberhentikan dalam sektor pembuatan dalam tempoh suku terakhir 2008 dan suku pertama 2009.

Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **ERI** menyatakan berapakah jumlah Pendatang

Tanpa Izin (PATI) yang ditangkap dalam operasi-operasi yang dilancarkan dan berapakah jumlah yang telah dihantar balik ke negara asal.

20. PR-1221-L16606
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah kenaikan pangkat melebihi pangkat ASP tidak diberikan kepada pegawai-pegawai polis dari golongan bukan Bumiputera.
21. PR-1221-L17824
Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang dikeluarkan pada tahun 2008 yang bertujuan melahirkan usahawan belia mengikut kategori projek dan bagaimana status projek tersebut.
22. PR-1221-L18050
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah ianya lebih wajar untuk Khazanah Nasional yang memiliki 63.9% syarikat PLUS, untuk membuat tawaran am untuk membeli ekuiti daripada pemilik minoriti supaya perjanjian PLUS dapat dirombak untuk mencapai persetujuan harga tol yang lebih munasabah dengan kos pembinaan dan penyelenggaraan.
23. PR-1221-L18206
Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
 - (a) jumlah permohonan yang diterima dan ditolak berhubung permohonan warga asing untuk mendapat kelayakan penduduk tetap dan kewarganegaraan; dan
 - (b) berapakah yang diterima hingga setakat ini.
24. PR-1221-L17555
Dato' Seri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis [Rompin] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah Kementerian telah membuat perbincangan dengan pihak-pihak luar yang terbabit dengan program angkasawan seperti Rusia, Amerika, China dan/ atau India, bagi penghantaran angkasawan kedua negara nanti. Adakah pihak Kementerian telah menghantar angkasawan kedua negara bagi menjalani latihan lanjutan kepakaran khusus bagi persediaan untuk ke angkasa lepas serta perkembangan kajian R&D yang telah dijalankan di angkasa lepas pada misi angkasawan yang lalu.

- [**Libaran**] minta **MENTERI KEWANGAN** menyalakan pelaksanaan yang telah dijalankan di bawah dana rangsangan ekonomi sebanyak RM7 bilion dalam memastikan kerancangan ekonomi negara berterusan.
26. PR-1221-L17452
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah fungsi dan objektif Yayasan Pelaburan Bumiputra dan Yayasan Amanah Hartanah Bumiputra yang ditubuhkan Kerajaan dan nyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai oleh kedua-dua yayasan ini semenjak ditubuhkan.
27. PR-1221-L17919
Puan Norah binti Abd Rahman [Tanjung Manis] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kementerian bercadang untuk membina sebuah lagi hospital umum di Kuching di mana penduduknya lebih ramai dari Kota Bharu yang mempunyai dua buah hospital umum dengan satu ribu enam ratus katil sedangkan hospital umum Kuching hanya ada lapan ratus katil.
28. PR-1221-L18067
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan anggaran pengurangan pendapatan Petronas berikutan dengan penurunan harga minyak dunia bagi tahun 2007 dan 2008. Berapakah kurangnya pendapatan bagi Kerajaan akibat penurunan harga minyak dunia.
29. PR-1221-L16897
Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah keberkesanan tabung serta agensi kita yang ditubuhkan bagi membantu pekerja-pekerja dari negara kita yang diberhentikan kerja di negara Singapura.
30. PR-1221-L17635
Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan universiti-universiti awam di Pantai Timur, Sabah dan Sarawak kurang popular dan kurang mendapat sambutan dari masyarakat untuk menghantar anak-anak mereka ke sana. Bagaimanakah perkara ini boleh berlaku dan apakah langkah Kerajaan menanganinya.
31. PR-1221-L16542
Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimana Kementerian boleh memastikan bahawa pekerja asing yang dibuang kerja akan dihantar balik ke negara asal mereka supaya mereka tidak akan mengakibatkan masalah sosial di Malaysia.

- ez [**Seremban**] minta **MENTERI KERJA RAYA** Kementerian sedang mengambil sebarang tindakan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di kawasan Seremban dan sekiranya ada, apakah tindakan-tindakan tersebut.
33. PR-1221-L17173
Tuan Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sinopsis dan kesan Anugerah Desa Cemerlang di seluruh negara dan mencadangkan agar anugerah khas diberi kepada keluarga cemerlang khususnya dalam pendidikan dan usahawan sebagai satu komponen untuk anugerah desa cemerlang dan nyatakan penambahbaikan anugerah tersebut.
34. PR-1221-L17814
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab-sebab pelacuran masih tidak dijadikan satu kesalahan jenayah memandangkan hakikat ianya mendatangkan kesan sosial yang negatif dan ianya juga mencemarkan nama baik negara.
35. PR-1221-L16738
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-
- (a) polisi serta dasar Kerajaan dalam pemberian %Approved Permit+(AP) kenderaan terutamanya di negeri Sabah.; dan
 - (b) jumlah %Approved Permit+ (AP) yang dikeluarkan oleh kerajaan sehingga hari ini terutamanya di negeri Sabah.
36. PR-1221-L17104
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi membantu pekebun-pekebun kecil yang mengusahakan tanaman sawit di atas penurunan harga komoditi tersebut ketika ini.
37. PR-1221-L17699
Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan sejauh mana Radio Televisyen Malaysia (RTM) bekerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) atau universiti tempatan bagi mendidik penyampai dan penulis skrip berita dan siaran langsung agar RTM menjadi penanda aras kepada standard penyiaran di Malaysia.

ng Patah] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN**
menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah untuk mengatasi masalah pejalan kaki ke Bandaraya Johor Bahru Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Bangunan Sultan Iskandar; dan
 - (b) apakah langkah-langkah untuk membantu peniaga-peniaga khususnya di Bandaraya Johor Bahru akibat Pembangunan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Bangunan Sultan Iskandar.
39. PR-1221-L17859
Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah jumlah sekolah rendah dan menengah yang masih belum mempunyai bekalan elektrik dan air bersih di Sabah dan Sarawak dan sejauh manakah keberkesanan penggunaan ICT di sekolah -sekolah tersebut.
40. PR-1221-L16611
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah kriteria-kriteria yang membolehkan Universiti Sains Malaysia dipilih sebagai Universiti Apex dan menjelaskan kelebihan Universiti Sains Malaysia berbanding universiti-universiti awam lain sehingga terpilih sebagai Universiti Apex.
41. PR-1221-L17703
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah keberkesanan pejabat-pejabat MIDA di luar negara seperti contohnya San Jose-Silicon Valley Amerika Syarikat dalam usaha kita mencari strategi baru dan cara-cara membawa masuk pelaburan untuk mempercepatkan perkembangan ekonomi negara.
42. PR-1221-L18354
Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan :-
- (a) bilangan syarikat yang telah berjaya mendapat pembiayaan Tabung Khas Pelancongan dari negeri Sabah sejak ia mula diperkenalkan; dan
 - (b) berapakah nilai keseluruhan pinjaman dalam tempoh tersebut.

brahim Fikri [Kuala Nerus] minta **MENTERI** an apakah status pembinaan lebuh raya Pantai Timur (LPT) fasa 11 Kuantan-Kuala Terengganu.

44. PR-1221-L18287
Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan mengapa penduduk servis apartmen dikenakan bayaran elektrik dan air pada kadar komersil sedangkan mereka sepatutnya dikenakan bayaran pada kadar kediaman.
45. PR-1221-L17012
Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan butiran mengenai jumlah penduduk warga asing yang mempunyai kediaman di negara ini mengikut pecahan negeri dari tahun 2004 hingga 2008 dan sejauh manakah mereka ini memberi kebaikan kepada masyarakat tempatan.
46. PR-1221-L17329
Tuan Manikavasagam A/L Sundaram [Kapar] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang diberikan kepada sekolah-sekolah termasuk Sekolah Kebangsaan , Cina, Tamil dan Agama di Parlimen Kapar dan senaraikan jumlah yang diberikan dari tahun 2005 hingga 2008 mengikut nama sekolah dan jumlah peruntukan. Nyatakan juga jumlah peruntukan untuk sekolah tersebut yang akan disalurkan bagi tahun 2009.
47. PR-1221-L16555
Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah jenis insentif dan bantuan modal yang ditawarkan oleh Kementerian kepada usahawan-usahawan bukan Bumiputera. Berapakah jumlah bantuan yang telah diberikan kepada usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera dari tahun 2004 hingga 2008.
48. PR-1221-L17433
Dato' Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah syarat-syarat dan keperluan penubuhan sesebuah sekolah penerbangan seperti yang diperuntukkan selaras dengan piawaian antarabangsa.
49. PR-1221-L16777
Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jika kaunter AirAsia boleh mengutip bayaran %express boarding+caj bagasi dan sebagainya, apakah masalahnya jika AirAsia memberi nombor tempat duduk kepada penumpangnya terutama sekali penumpang sekeluarga.

- [Iping]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan in peruntukan agama mengikut tahun dan jumlah rumah ibadat yang telah dibina dalam tempoh 2000 hingga 2009 termasuk masjid, surau, tokong, gereja dan kuil.
51. PR-1221-L18383
Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk menambah kemudahan di LCCT memandangkan ianya kini menjadi tumpuan penumpang bajet dan mengapakah Air Asia yang merupakan sebuah syarikat swasta yang langsung tidak melambangkan ciri-ciri Malaysia boleh diberi keutamaan dan keistimewaan untuk menggunakan LCCT dan tidak kepada MAS yang merupakan syarikat milik Kerajaan.
52. PR-1221-L17906
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah untuk meningkatkan taraf hidup orang Dayak di Sarawak dan adakah angka-angka statistik yang menunjukkan tahap sosial ekonomi orang Dayak berbanding dengan kaum-kaum lain di Malaysia.
53. PR-1221-L18098
Dr. Mohd Puad bin Zarkashi [Batu Pahat] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah bantuan Kerajaan Malaysia untuk membangunkan semula Gaza yang musnah teruk kesan serangan Zionis Israel. Nyatakan perkembangan lobi Malaysia ekoran sidang khas Parlimen mengenai isu Palestin pada Januari 2009.
54. PR-1221-L17146
Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan di bawah dasar perlindungan hidupan liar, BABI hutan adalah binatang yang dilindungi. Masalahnya kawasan pertanian di kampung, binatang ini menjadi masalah besar dan satu trauma kepada petani. Adakah Kementerian bercadang supaya binatang ini dihapuskan dari senarai akta perlindungan ataupun diberi Permit kepada pemburu yang berminat atau berikan tugas kepada RELA untuk mengurangkan jumlahnya.
55. PR-1221-L17266
Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa efektifnya penguatkuasaan undang-undang di kawasan pedalaman. Patutkah diwujudkan sebuah sistem komunikasi kecemasan di pedalaman agar penduduk di sana dapat menghubungi pihak polis dengan secepat yang mungkin.
56. PR-1221-L17495
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan telah menggunakan mata wang yang lain dari Dollar Amerika Syarikat (USD) dalam urusan perdagangan peringkat antarabangsa. Jika ada, nyatakan perinciannya.

- anak Jaem [Serian] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan memandangkan bot-bot amat diperlukan waktu banjir, adakah Kementeriannya bercadang untuk membekal bot-bot berserta dengan enjin-enjinnya ke pejabat-pejabat Bomba dan Penyelamat yang memerlukannya di seluruh negara.
58. PR-1221-L17620
Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Petronas untuk membina supply base di Tumpat untuk memberi khidmat dan mendaratkan minyak dan gas dari pelantar-pelantar di pesisir lautan Kelantan.
59. PR-1221-L18018
Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah usaha yang dilakukan untuk mempertingkatkan keberkesanan dan bilangan Sekolah Wawasan untuk memupuk perpaduan di antara kaum di negara kita.
60. PR-1221-L16508
Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan bagaimanakah perubahan baru dalam pendekatan penyiaran Warta Perdana memberi kesan positif kepada rakyat Malaysia.
61. PR-1221-L16608
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan dan mengemukakan statistik dan senarai pegawai-pegawai kedutaan Malaysia di luar negara mengikut kaum dan jantina.
62. PR-1221-L17867
Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan nilai perdagangan antara Malaysia dan Israel bagi tempoh tiga tahun terakhir ini. Apakah kebenaran di belakang tabir ini tidak bertentangan dengan dasar Kerajaan yang menolak hubungan dagang dengan Israel yang telah melakukan banyak keganasan di Palestin.
63. PR-1221-L17602
Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan hakisan tanah yang berterusan di Batang Rajang telah menyebabkan bandar Sibu dan daerah di sekitarnya sering mengalami masalah banjir terutamanya pada musim hujan dan aras sungai yang tinggi. Bagaimanakah Kementerian mengatasi masalah hakisan tebing Batang Rajang yang semakin serius.

- he Mat [**Hulu Langat**] minta **MENTERI** n adakah Kementerian akan terus mengawal sendiri aktiviti penggunaan sinaran mengion dalam perubatan. Bagaimana pula kawalan dibuat terhadap penggunaan peralatan perubatan yang menggunakan sinaran tak mengion seperti ultrasound, penyinaran UV dan lain-lain.
65. PR-1221-L16656
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapa wujudnya suasana ketidak harmonian di Pejabat-pejabat Pendidikan Daerah berhubung dengan jawatan-jawatan di sekolah-sekolah (DG38) lebih tinggi daripada Pejabat (DG34). Manakala di Sekolah Menengah pula Pengetuanya (DG48) dan (DG52).
66. PR-1221-L16930
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perkembangan usaha mewujudkan profil pertanian di 222 Kawasan Parlimen bagi menambah baik pengeluaran hasil pertanian.
67. PR-1221-L17756
Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan mengapakah projek memperluaskan Jalan Gombak mengambil masa sebegini lama sampai bertahun-tahun, apakah sebab-sebab yang melengahkan kerja dan bilakah projek ini dijangka selesai serta apakah jumlah kos projek ini dan siapakah kontraktor yang terlibat.
68. PR-1221-L17772
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada SPR telah menjalankan kajian untuk meneruskan penggunaan dakwat kekal semasa pengundian dan tindakan SPR seterusnya.
69. PR-1221-L17747
Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mewajibkan pensijilan logo halal sebagai syarat pengoperasian semua kedai makan seperti restoran, kantin dan hotel (public eatery outlets) di seluruh negara.
70. PR-1221-L16598
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) objektif dan peranan Biro Tata Negara; ; dan
 - (b) perbelanjaan keseluruhan Biro tersebut setiap tahun antara tahun 2004-2008.

- [**Kelana Jaya**] minta **PERDANA MENTERI** untuk memupuk perpaduan sedangkan Kerajaan Persekutuan masih menjalankan program Biro Tatanegara yang jelas memburukkan kaum bukan Melayu.
72. PR-1221-L17024
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah garis panduan secara terperinci yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam perihal industri papan iklan besar mengikut dasar ketinggian, lokas, saiz, struktur, jenis tiang berkembar (twin pole) atau jenis tiga tiang (tripole) dan sebagainya.
73. PR-1221-L17565
Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bagaimanakah cara pengagihan dana kepada peminjam dalam pembiayaan TEKUN di laksanakan. Adakah ianya melalui agensi khas yang ditubuhkan oleh TEKUN atau diurus tadbir oleh Ahli Dewan Rakyat setiap Kawasan Parlimen.
74. PR-1221-L18062
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan luar negeri di antara MITI dan UNCTAD, apakah jumlah pelaburan asing dan tempatan untuk 2008 dan 2007 dan berikan pecahan negeri, bolehkah diasingkan mengikut sektor teknologi tinggi, bio-teknologi, teknologi hijau, halal dan perkhidmatan profesional/software atau shared services.
75. PR-1221-L18164
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah KEMENTAH menyedari bajet pengurusan dan bajet pembangunan semakin mencapai nisbah yang tidak seimbang dan munasabah. Adakah nisbah yang tidak seimbang ini akan menjejaskan kemajuan proses modenisasi ATM. Apakah nisbah yang dianggap munasabah oleh KEMENTAH.
76. PR-1221-L17234
Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah punca kegagalan Kerajaan memastikan pencapaian 30 peratus pegangan ekuiti bumiputera sedangkan sejak merdeka lagi semua jawatan penting Kerajaan dipegang oleh bumiputera, juga sila nyatakan semasa mencapai kemerdekaan berapa peratuskah ekuiti yang dipegang bumiputera.

DAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan mencadangkan:

BAHAWA pada 12 Mac 2009, Yang Berhormat Tuan Gobind Singh Deo, Ahli Parlimen kawasan Puchong semasa perbahasan peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2009) 2009 telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mendakwa YAB. Timbalan Perdana Menteri, Ahli Parlimen Kawasan Pekan terlibat dalam kes pembunuhan.

BAHAWA Yang Berhormat Ahli Parlimen Kawasan Puchong juga telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang menghina Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat setelah diperintah keluar Dewan.

DAN BAHAWA kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen Kawasan Puchong adalah merupakan satu dakwaan yang sangat serius dan menyalahi hak dan keistimewaan sebagai Ahli Parlimen serta merupakan satu penghinaan kepada Dewan ini.

MAKA INILAH DIPERSETUJUI BAHAWA Yang Berhormat Ahli Parlimen Kawasan Puchong hendaklah digantung tugas dari jawatannya sebagai Ahli Parlimen selama **dua belas (12) bulan** dari tarikh keputusan usul ini diluluskan. Dalam masa penggantungan ini Yang Berhormat Ahli Parlimen Kawasan Puchong tidak akan dibayar kesemua bayaran elaun dan kemudahan sebagai seorang Ahli Parlimen.

**Pertimbangan ke atas Rang Undang-undang
Perbekalan Tambahan (2009) 2009 (D.R. 2/2009) dan Usul Anggaran
Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2009 seperti berikut :**

%BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima bilion ringgit (RM5,000,000,000) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2009, bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2009 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2009 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut+.

Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis (12 Mac 2009)

- | | | | | |
|----|---------------|--|------------|-----------------------------------|
| 3. | (D.R. 3/2009) | Rang Undang-undang
Tambahan (2008) 2009 | Perbekalan | Bacaan Kali
Yang Kedua |
|----|---------------|--|------------|-----------------------------------|

DAN

YAB Menteri Kewangan akan mencadangkan :-

%BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak dua bilion tiga ratus empat puluh satu juta enam ratus tujuh puluh tujuh ribu empat ratus ringgit (RM2,341,677,400) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2008, bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2008 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2009 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut+.

- | | | | | |
|----|---------------|---|--|-----------------------------------|
| 4. | (D.R. 5/2009) | Rang Undang-undang Cukai Pendapatan
(Pindaan) 2009 | | Bacaan Kali
Yang Kedua |
|----|---------------|---|--|-----------------------------------|

[Menteri Kewangan]

- | | | | | |
|----|---------------|--|--|----|
| 5. | (D.R. 4/2009) | Rang Undang-undang Suruhanjaya
Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 | | %o |
|----|---------------|--|--|----|

[Menteri Dalam Negeri]

Undang-undang Perlindungan Saksi %oo

[Perdana Menteri]

7. (D.R. 30/2008) Rang Undang-undang Jawatankuasa Etika Hakim 2008. %oo

[Perdana Menteri]

8. (D.R. 14/2008) Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2008. %oo

[Menteri Pengajian Tinggi]

9. (D.R. 15/2008) Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008. %oo

[Menteri Pertahanan]

10. (D.R. 19/2008) Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008. %oo

[Menteri Kewangan]

11. (D.R. 28/2008) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2008 %oo

[Perdana Menteri]

12. (D.R. 18/2008) Rang Undang-undang Orang-orang Papa (Pindaan) 2008. %oo

**[Menteri Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat]**

13. (D.R. 20/2008) Rang Undang-undang Makanan Haiwan 2008. %oo

**[Menteri Pertanian dan Industri Asas
Tani]**

14. (D.R. 26/2008) Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2008. %oo

[Menteri Pengangkutan]

Undang-undang Bank Kerjasama
t Malaysia Berhad (Peruntukan
Khas) (Pindaan) 2008. %oo

**[Menteri Pembangunan Usahawan dan
Koperasi]**

16. (D.R. 13/2008) Rang Undang-undang Identifikasi Asid
Deoksiribonukleik (DNA) 2008 . %oo
**Pertimbangan dalam Jawatankuasa
sebuah-buah Majlis (28 Ogos 2008)**

[Menteri Dalam Negeri]

17. (D.R. 1/2009) Rang Undang-undang Fi (Majlis Latihan **Bacaan Kali**
Pertanian Kebangsaan) (Pengesahan) **Yang Kedua**
2009

**[Menteri Pertanian dan Industri Asas
Tani]**

18. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan subperenggan 8 (3)(a)(iv) Akta
Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju
supaya Kerajaan menukarkan pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak
RM30 juta kepada Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd. (KMPSB), suatu
syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) kepada
ekuiti.+

19. PR-1221-U16540

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini, mengambil maklum bahawa fenomena pemanasan
dunia (Global Warming) sejak akhir-akhir ini telah menjadi begitu serius
dan negara Malaysia tidak terkecuali daripada hambatan fenomena ini.
Dan mengambil maklum bahawa sejak beberapa tahun kebelakangan ini,
keadaan cuaca negara kita tidak lagi menentu di mana hujan dan panas
tidak lagi bermusim. Keadaan ini telah menyebabkan kejadian banjir kilat,
tanah runtuh dan banyak lagi kemusnahan alam sekitar yang lain. Dan
mengambil maklum bahawa, kesan pemanasan dunia ini telah
menyebabkan suhu air laut meningkat yang mana menyebabkan paras air
laut meningkat dan kemusnahan terumbu-terumbu karang yang
dahulunya menjadi sarang pembiakan hidupan marin. Dan mengambil
maklum bahawa akhir-akhir ini, akibat daripada fenomena ini, ramai jiwa
yang tidak berdosa juga turut terkorban.

hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta bil peranan secara aktif dan mengerahkan semua meminda dan menguatkuasakan undang-undang, sama ada yang sedia ada atau pun yang bakal dipinda, supaya mana-mana aktiviti yang boleh menyebabkan kemusnahan alam ini dapat dibendung atau dikurangkan ke tahap minima."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

20. PR-1221-U16550

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini, mengambil maklum bahawa sejak akhir-akhir ini, negara Malaysia mula dipengaruhi dengan masalah polarisasi kaum. Dan mengambil maklum bahawa sekiranya polarisasi kaum ini tidak dibendung sekarang, negara akan terjunam ke kancah ketegangan dan perpecahan kaum. Dan mengambil maklum bahawa peranan untuk mengharmonikan hubungan antara kaum di negara ini boleh dipupuk dengan berbagai cara termasuklah peranan oleh Kerajaan badan-badan bukan Kerajaan, badan-badan keagamaan dan sebagainya. Dan mengambil maklum juga bahawa usaha Kerajaan dalam menangani masalah ini boleh dipanjangkan lagi kepada badan-badan yang dimaksudkan di atas. Dan mengambil maklum juga bahawa syarikat-syarikat termasuklah agensi-agensi Kerajaan atau para majikan juga boleh memainkan peranan yang penting ke arah keharmonian kaum di negara ini, di mana sekiranya para majikan menyediakan kuota bagi pengambilan pekerja mereka di semua peringkat. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk membuat dasar-dasar atau akta meminta badan-badan yang disebutkan di atas untuk memainkan peranan dalam usaha ini dan dalam pada yang sama Kerajaan hendaklah memberikan mereka dana yang secukupnya bagi maksud ini. Maka dengan ini dewan ini hendaklah juga mengambil ketetapan untuk meminta dan memastikan majikan untuk mengamalkan pengambilan pekerja menurut pecahan kaum di negara ini."

(Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)

21. **Tuan Karpal Singh (Bukit Gelugor)** akan mencadangkan :-

Bahawa Dewan ini membincangkan kelakuan Tan Sri Zaki Tun Azmi, Ketua Hakim Negara Malaysia, dalam menyatakan tanpa sebarang syarat di Kuching pada 7hb November, 2008 bahawa apabila beliau merupakan seorang pengamal undang-undang pada tahun 1987, antara lain yang berikut:

% took me six months to be nice, to bribe each and every individual to get back into their good books before our files were attended to. That was my personal experience and I am telling this to all clerks and all the registries to stop this nonsense.+

...kan [pada 8hb November, 2008, berkenaan NST bertarikh 8hb November, 2008 yang menerbitkan kata-kata di atas] seperti berikut:

%refer to your report on page 4 of the NST headlined, %Stop it now, corrupt court staff warned. %

Your reporter must have interpreted what I said, which is that during that period there was corruption in order to get things done at the court registry, as myself having done it.+

Yang mana adalah jelas merupakan satu penipuan yang mengakibatkan keseluruhan badan kehakiman yang diketuai oleh beliau mendapat nama buruk.

Dan Dewan ini mengambil notis, bahawa Surat Terbuka bertarikh 16hb Disember 2008 oleh YB. Ahli Parlimen kawasan Bukit Gelugor telah memanggil kepada Tan Sri Zaki Tun Azmi untuk meletak jawatan sebagai Ketua Hakim, Malaysia atas alasan bahawa beliau telah mengakui secara umum bahawa beliau telah melakukan rasuah pada tahun 1987 tetapi sehingga kini YB. Ahli Parlimen kawasan Bukit Gelugor masih belum menerima sebarang maklum balas daripada beliau dan ini jelas menunjukkan bahawa Tan Sri Zaki Tun Azmi mengakui diri beliau adalah korup.

Dan Dewan ini memanggil Perdana Menteri untuk mengguna pakai peruntukan Perkara 125(3), Perlembagaan Persekutuan bagi tujuan merujuk Tan Sri Zaki Tun Azmi kepada satu Tribunal berdasarkan fasal 4 untuk memecat Tan Sri Zaki Tun Azmi daripada jawatan sebagai Ketua Hakim Negara atas alasan salah laku di mana beliau telah menipu secara umum.

Dan bahawa Tan Sri Zaki Tun Azmi adalah digantung kerja sebagai Ketua Hakim Negara sementara menunggu suatu laporan daripada Tribunal tersebut di bawah klausa 3.

Ahli-ahli yang Berhormat yang turut mengusulkan:-

- 2) YB Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
- 3) YB Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
- 4) YB Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- 5) YB Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- 6) YB Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- 7) YB Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- 8) YB Tuan Kulasegaran a/l Murugeson (Ipoh Barat)

Palanisamy (Batu Kawan)

- 10) YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- 11) YB DatoqNgeh Koo Ham (Beruas)
- 12) YB Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
- 13) YB Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
- 14) YB Puan Teo Nie Ching (Serdang)
- 15) YB Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- 16) YB Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
- 17) YB Tuan Manogaran a/l Marimuthu (Telok Intan)
- 18) YB Dr. Charles Santiago (Klang)
- 19) YB Tuan Jef Ooi Chuan Aun (Jelutong)
- 20) YB Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
- 21) YB Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
- 22) YB Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- 23) YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
- 24) YB Tan Sri DatoqKhalid bin Ibrahim (Bandar Tun Razak)
- 25) YB Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
- 26) YB Tuan Gobalakrisnan a/l Nagapan (Padang Serai)
- 27) YB Tuan Zulkifli bin Nordin (Kulim Bandar Baharu)
- 28) YB DatoqSeri Anwar Bin Ibrahim (Permatang Pauh)
- 29) YB Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
- 30) YB Tuan Chua Tian Chang (Batu)
- 31) YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin (Ampang)
- 32) YB DatoqJohari Abdul (Sg. Petani)
- 33) YB DatoqDr. Zainal Abidin Ahmad (Hulu Selangor)

narin bin Abbas (Telok Kemang)

Binti Anwar (Lembah Pantai)

- 36) YB Tuan Abdullah Sani Bin Abdul Hamid (Kuala Langat)
- 37) YB Tuan Mohd. Yusmadi Bin Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
- 38) YB Tuan Haji Nasharudin Bin Mat Isa (Bachok)
- 39) YB DatoqKamaruddin bin Jaffar (Tumpat)
- 40) YB DatoqHaji Wan Abd. Rahim Bin Wan Abdullah
(Kota Bharu)
- 41) YB Dr. Mohd. Hatta Bin Md. Ramli (Kuala Krai)
- 42) YB Dr. LoqLoqbinti Haji Mohamed Ghazali (Titiwangsa)
- 43) YB DatoqSeri Haji Abdul Hadi Bin Awang (Marang)
- 44) YB DatoqHaji Ab. Halim Bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa)
- 45) YB Dr. Dzulkefly Bin Ahmad (Kuala Selangor)
- 46) YB Dr. Siti Mariah Binti Mahmud (Kota Raja)
- 47) YB Puan Siti Zailah binti Mohd Yusof (Rantau Panjang)
- 48) YB Tuan Azan Bin Ismail (Indera Mahkota)
- 49) YB Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
- 50) YB DatoqRashid Bin Din (Merbok)
- 51) YB Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
- 52) YB Tuan Haji Ahmad Bin Kasim (Kuala Kedah)
- 53) YB Dr. Haji Mohd. Hayati Bin Othman (Pendang)
- 54) YB Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
- 55) YB Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
- 56) YB Tuan Haji Taib Azamudden Bin Md. Taib (Baling)
- 57) YB Dr. Mujahid Bin Yusof Rawa (Parit Buntar)
- 58) YB. Tuan Muhamad bin Husain (Pasir Putih)

Che Mat (Hulu Langat)

Bin Zakaria (Padang Terap)

61) YB. Tuan Mohd. Firdaus Bin Jaafar (Jerai)

62) YB. Tuan Che Uda bin Che Nik (Sik)

(Perdana Menteri)

22. PR-1221-U16591

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil maklum bahawa sejak akhir-akhir ini terdapat rungutan para majikan terutama sekali dalam sektor industri tani, perladangan dan pembuatan bahawa mereka terpaksa mengambil atau mengimport tenaga kerja daripada negara luar kerana ketiadaan tenaga kerja dari negara ini. Dan mengambil maklum bahawa dengan kebanjiran tenaga kerja dari luar negara ini, banyak masalah sosial yang timbul selain daripada masalah ketenteraman awam. Selain itu tukaran asing negara juga turut terlibat dengan pemindahan wang yang berjumlah berjuta-juta ringgit sebulan setiap kali mereka mengirinkan wang ke negara asal mereka.

Dan mengambil maklum bahawa terdapat ramai kanak-kanak yang tidak bernegara (stateless kids) pemegang IMM13 dan mereka yang diberikan status penduduk tetap di negeri Sabah dan juga negara Malaysia. Mereka ini merupakan sumber tenaga buruh yang sedia ada di negara ini dan kebanyakan mereka ini tidak lagi bercadang untuk kembali ke negara asal mereka dan sekali gus tukaran asing negara tidak terjejas kerana tidak ada kiriman wang yang dibuat. Maka dengan ini dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menyediakan latihan vokasional kepada mereka yang dimaksudkan di atas bagi membolehkan mereka bekerja di negara ini dan sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan negara kepada sumber tenaga kerja asing."

(Menteri Sumber Manusia)

23. PR-1221-U16629

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia memberi peluang kepada masyarakat India dan Cina menjawat jawatan di sektor perkhidmatan awam secara beramai-ramai."

(Perdana Menteri)

isamy [Batu Kawan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Malaysia untuk membina Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Tamil di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia demi memenuhi keperluan masyarakat India."

(Menteri Pelajaran)

25. PR-1221-U16698

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak supaya Kerajaan mengenal pasti dan merancang satu sistem pelupusan sisa pepejal yang terbaik, bersepadu dan mesra alam dalam kadar seberapa segera mungkin bagi membolehkan sisa pepejal dapat di kitar semula sehingga lebih 70% supaya boleh ditukar dalam berbagai produk termasuk penjana tenaga dan 30% sisa organik lain boleh dijadikan baja kompos setelah disimpan hanya beberapa bulan di tapak pelupusan sanitari.

Cadangan ini dibuat memandangkan hampir semua negeri-negeri di seluruh negara mengalami masalah kekurangan tapak pelupusan sisa pepejal yang kemudian berkait dengan jadual kutipan sisa pepejal dan status kebersihan sekitar. Dalam masa yang sama usaha gigih perlu dibuat dalam melatih dan mendisiplinkan masyarakat melaksanakan sistem kitar semula sebagaimana yang dilaksanakan dalam negara maju bagi memudahkan pengurusan sisa pepejal di masa akan datang."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

26. PR-1221-U16702

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta supaya Pengajaran/Pembelajaran Sains dan Matematik (PPSM) terutama peringkat rendah sudah sampai masa di tukar balik pengajarannya dalam Bahasa Ibunda masing-masing memandangkan tahap pencapaian pelajar selepas satu kohort jelas kurang memuaskan terutama bagi pelajar luar bandar (Desa). PPSMI yang dilaksanakan sejak September 2002 adalah bertentangan dengan Dasar Kebangsaan, Akta Pendidikan 1961/1986/1996, Penyata Rahman Talib, 1960, Penyata Razak, 1956 serta akta-akta lain termasuk Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Oleh itu kita perlu kembali kepada dasar yang betul iaitu Dasar Pelajaran Kebangsaan yang dibuat oleh Kerajaan sendiri."

(Menteri Pelajaran)

at [**Hulu Langat**] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak supaya Kerajaan membina banyak lagi empangan di hulu sungai bagi membantu mendapatkan bekalan air bersih tanpa pencemaran yang tinggi sebagaimana amalan sekarang di mana punca air diambil dari sungai yang sudah tercemar."

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

28. PR-1221-U16710

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Malaysia supaya tidak membazir wang yang banyak dalam menyediakan Pasukan Keselamatan yang terlalu ramai bagi menjaga keselamatan dalam mana-mana pilihan raya kecil bagi memastikan demokrasi berjalan lancar kerana rakyat makin matang dan bersedia mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak keselamatan apabila ruang dan peluang yang sama dan adil diberi kepada parti-parti yang bertanding.

Sebaliknya bilangan Pasukan Keselamatan yang terlalu ramai boleh mewujudkan suasana tegang, tidak selesa dan risau kepada pengundi."

(Menteri Dalam Negeri)

29. PR-1221-U16788

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan untuk mengambil pendirian mengenai kezaliman yang sedang berlaku di Negara Palestin dan Sri Lanka yang tidak menghormati hak asasi manusia sehingga membunuh beribu-ribu nyawa yang tidak bersalah."

(Menteri Luar Negeri)

30. PR-1221-U16790

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan harus mengubahsuaikan cara koordinasi yang baru melalui penubuhan satu suruhanjaya untuk memantau kemajuan sekolah SK, SJK(C) dan SJK(T) serta pengambilan guru-guru tetap di sekolah-sekolah ini secara seimbang."

(Menteri Pelajaran)

ong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan setakat mana Pasukan Polis Diraja berjaya melaksanakan syor-syor Laporan Suruhanjaya Diraja, pengambilan rekrut untuk mencapai bilangan 150,000 anggota dan keberkesanan untuk menjaga keselamatan di seluruh negara."

(Menteri Dalam Negeri)

32. PR-1221-U16991

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendebatkan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menghadapi tsunami kewangan termasuk sebab musabab harga diesel, gas dan petrol tidak boleh diturunkan lagi."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)

33. PR-1221-U17074

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

(Menteri Luar Negeri)

[Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa bekas Menteri Luar Negeri (1999), Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar dikenakan tindakan di bawah Peraturan Tetap 13(2) dan dibawa ke Jawatankuasa Disiplin kerana berbohong di Dewan Rakyat yang mulia pada 15 Julai 1999. Pada hari tersebut ketika membentangkan Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 yang dirujuk di dalam Hansard Jilid V, Bil. 24, 15 Julai 1999, p.67 berkata:-Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan bahawa akta Suruhanjaya ini memenuhi Prinsip-prinsip Paris, Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat juga telah diberi perhatian selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Menurut laporan dan cadangan International Coordinating Committee (ICC) bertarikh 21 April 2008 di Geneva, pengubalan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 tidak berlandaskan kepada Prinsip Paris sehingga kedudukan Malaysia mungkin diturunkan dari %A+ kepada %B+.

(Perdana Menteri)

35. PR-1221-U17179

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan dengan ini memutuskan agar setiap penduduk di Sabah yang telah dan sedang mendaftar sebagai Daftar Lewat Sijil Kelahiran yang terkandung dalam Undang-undang Pendaftaran Sijil Kelahiran juga mengguna pakai Ordinan Kelahiran Sabah, Cap 123 tahun 1953 yang disatukan sebagai undang-undang sewaktu pembentukan negara Malaysia pada 16 September 1963 dalam Akta Pendaftaran Kelahiran."

(Menteri Dalam Negeri)

36. PR-1221-U17183

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan dengan ini menetapkan untuk membincang berkaitan tarikh pembentukan negara Malaysia agar perkara ini tidak lagi dipertikaikan dan tarikh tersebut dapat dicatatkan ke dalam rekod Kerajaan dan dapat dicetak ke dalam buku sejarah yang diguna dalam pendidikan sejarah di sekolah-sekolah dan pengajian tinggi."

(Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)

Abun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

" Bahawa Dewan dengan ini dapat membincang dengan seriusnya mengenai kedudukan Cabotage Policy agar polisi ini tidak mengetepikan hak rakyat Sabah dalam pengangkutan perkapalan laut serta tidak membezakan harga barangan seharian bagi Semenanjung dan Sabah / Sarawak."

(Menteri Pengangkutan)

38. PR-1221-U17960

Tuan Chua Tian Chang [Batu] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak pihak Kerajaan harus menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dengan segera. Ini dapat dijelaskan melalui SUHAKAM. SUHAKAM menyatakan bahawa ISA menahan seseorang tanpa bicara bertentangan dengan deklarasi Hak Asasi Manusia. Dalam laporan dan kajian SUHAKAM mencadangkan agar akta zalim itu dimansuhkan sepertimana hasil kajian yang telah dihantar kepada Kerajaan sejak tahun 2003."

(Perdana Menteri)

39. PR-1221-U17966

Tuan Chua Tian Chang [Batu] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan membahaskan dan memindahkan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999 (Akta 597) sepertimana ditegaskan oleh The International Coordinating Committee (ICC) bahawa beberapa perkara tidak jelas dan mematuhi prinsip-prinsip Paris dan kemungkinan diturunkan dari status A ke B. Berdasarkan pemerhatian oleh ICC, SUHAKAM diberi tempoh sehingga April 2009 sahaja dan Kerajaan harus memberi perhatian serius untuk mempertahankan status SUHAKAM."

(Perdana Menteri)

40. PR-1221-U18080

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung Dewan Rakyat melalui televisyen supaya rakyat boleh menonton ucapan para Ahli Yang Berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang negara."

(Menteri Penerangan)

im [**Seputeh**] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan Tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan Ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

42. PR-1221-U18087

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

43. PR-1221-U18090

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

(Perdana Menteri)

44. PR-1221-U18093

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB. Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

(Perdana Menteri)

3ukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi RM100 juta oleh Kementerian Pertahanan, mesti dibentangkan kepada Panel Penilaian Bebas untuk dinilai dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara, kemudian dibahaskan dalam Parlimen, demi mempertingkatkan integriti dan keberkesanan jangka panjang pembelian sistem pertahanan. Ini adalah berikutan dari kes prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara mengenai pembelian 12 unit EC-725 telah mendatangkan kesan positif dalam menjelaskan proses pembelian aset pertahanan kepada rakyat umum."

(Menteri Pertahanan)

46. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan):-

Islam adalah agama bagi Persekutuan **termasuk dari segi undang-undang dan syariatnya**'.

(Perdana Menteri)

47. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan):-

Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan, **kecuali undang-undang dan syariat Islam**, apa-apa undang-undang yang diluluskan berlawanan dengan Perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat ia berlawanan ituq

(Perdana Menteri)

48. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah supaya Artikel 11 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambah perkataan seperti berikut (seperti yang dihitamkan):-

erhak menganuti dan mengamalkan agamanya, **manya kecuali bagi penganut agama Islam** kepada undang-undang dan syariat Islam.

Bagi maksud penganut agama Islam, soal kemasukan dan kemurtadan dari agama Islam hendaklah ditentukan oleh Mahkamah Syariah yang mempunyai bidang kuasa mutlak ke atasnya’.

(Perdana Menteri)

49. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan mengambil langkah supaya Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan membuang perkataan seperti berikut:-

tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan dan diganti dengan perkataan berikut:-

‘dan mempunyai bidang kuasa mengenai apa-apa jua kesalahan jenayah syarie dan lain-lain yang ditetapkan atau diperuntukkan di dalam hukum syarak’ dan undang-undang Islam termasuk membicarakan, memutuskan dan menghukum mana-mana orang Islam yang berkenaan menurut sabitan dan hukuman yang ditetapkan oleh hukum syarak dan undang-undang Islam’.

Dan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 hendaklah dipinda bersesuaian dengan pindaan kepada Jadual 9 Senarai 2 (1) Perlembagaan Persekutuan seperti yang dinyatakan di atas+.

(Perdana Menteri)

50. **Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan agar Kerajaan Persekutuan mengambil langkah memansuhkan dan menghapuskan semua amalan dan upacara bertafakur yang diadakan di hadapan Tugu Negara dan semua langkah yang berkesan dan efektif diambil agar anggota tentera, polis dan lain-lain anggota beruniform tidak dipaksa dan/atau diarah melakukan upacara dan amalan kawad hormat dan/atau bertafakur di hadapan Tugu Negara+.

(Menteri Dalam Negeri)

Noordin [Kulim Bandar Baharu] akan

mencadangkan.

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama semua Kerajaan Negeri supaya melantik seorang Mufti Negara sebagai Ketua bagi dan dengan kuasa dan autoriti mengatasi kesemua Mufti-mufti dan menjadi Pengerusi bagi Majlis Fatwa Kebangsaan dengan tanggungjawab dan menjawab hanya kepada Yang Dipertuan Agong dan Majlis Raja-raja+

(Perdana Menteri)

52. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan :-

%Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan masalah Palestin dan menamakan badan ini sebagai '**Jawatankuasa Caucus bagi Palestin**' dengan Perdana Menteri sendiri sebagai Pengerusi Caucus tersebut+

(Menteri Luar Negeri)

53. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya peruntukan pembangunan berjumlah RM1,000,000-00 dan lain peruntukan yang selama ini diberikan kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional juga diberikan kepada kesemua Ahli Parlimen termasuk dari bukan Kerajaan menurut terma dan syarat sebagaimana yang diberikan kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional+

(Menteri Kewangan)

54. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan :-

%Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal Islam dalam negara ini dengan tujuan untuk memartabatkan, memperkukuhkan dan mempertahankan hal ehwal Islam dan menamakan badan ini sebagai '**Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Islam**' dengan Perdana Menteri sendiri sebagai Pengerusi Caucus tersebut+

(Perdana Menteri)

Noordin [Kulim Bandar Baharu] akan

%Bahawa Dewan ini mengambil langkah untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa caucus khusus untuk menangani dan memantau dan mengambil langkah-langkah berkaitan dengan hal ehwal masyarakat India dengan tujuan untuk memantapkan kedudukan ekonomi mereka dan menyelesaikan permasalahan kewarganegaraan dan kad pengenalan mereka dan dinamakan sebagai '**Jawatankuasa Caucus bagi Hal Ehwal Masyarakat India**' dengan Menteri Kewangan sebagai Pengerusi Caucus tersebut+.

(Menteri Kewangan)

56. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kementerian Pelajaran supaya dengan serta-merta memansuhkan pengajian mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris dan menggantikannya dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengajian mata pelajaran tersebut+.

(Menteri Pelajaran)

57. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya mengambil langkah menyiarkan dan mewajibkan siaran azan pada tiap-tiap waktu solat fardu yang lima di kesemua tempat awam tanpa sebarang sekatan dan atau halangan+.

(Menteri Penerangan)

58. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil langkah ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah supaya kesemua banduan dan tahanan yang disabit dan dikenakan hukuman penjara sepanjang hayat hendaklah dikurangkan hukuman penjara tidak melebihi 20 (dua puluh tahun) dan bagi yang telah menjalani hukuman melebihi jumlah 20 tahun tersebut (setelah ditolak cuti dan kelakuan baik) hendaklah dibebaskan dengan serta-merta+.

(Menteri Dalam Negeri)

Nordin [Kulim Bandar Baharu] akan

Bahawa Dewan ini mengambil langkah mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan / atau mengenakan syarat kepada syarikat penerbangan Air Asia supaya kakitangan wanitanya terutama pramugari hendaklah berpakaian yang lebih sopan sekurang-kurangnya seperti pramugari Penerbangan Malaysia+

(Menteri Pengangkutan)

60. **Tuan Zulkifli Bin Noordin [Kulim Bandar Baharu] akan** mencadangkan:-

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan supaya mengarahkan dan / atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia dan Air Asia supaya membenarkan kakitangan wanitanya yang beragama Islam khususnya pramugari dibenarkan memakai tudung menurut yang ditetapkan oleh hukum syarak dengan pakaian seragam yang bersesuaian sebagaimana yang telah pun dilaksanakan oleh banyak syarikat penerbangan antarabangsa lain seperti Saudi Air, Emirates Airways, Brunei Airline dan lain-lain+

(Menteri Pengangkutan)

61. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu] akan** mencadangkan:-

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Pengangkutan melarang dan/atau mengenakan syarat kepada syarikat Penerbangan Malaysia supaya menghentikan penjualan arak dan lain-lain minuman keras sebagaimana yang memabukkan semasa di dalam penerbangan sebagaimana yang telah pun dilaksanakan oleh banyak syarikat penerbangan lain seperti Saudi Air, Emirates Airways, Brunei dan lain-lain+

(Menteri Pengangkutan)

62. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu] akan** mencadangkan:-

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melarang dan/ atau mengenakan syarat kepada syarikat perniagaan runcit Seven-Eleven (7-11) dilarang sama sekali daripada menjual arak dan/ atau apa-apa minuman keras yang memabukkan serta sebarang bentuk kondom di premisnya+

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna)

ordin [**Kulim Bandar Baharu**] akan

mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri supaya dengan segera mengambil langkah membebaskan semua tahanan Akta Keselamatan Dalam negeri yang ditahan kononnya atas dakwaan terlibat dengan kegiatan militan Islam seperti Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM), Jemaah Islam Malaysia (JI), Kumpulan Al-Maunah dan lain-lain jika pihak keselamatan mempunyai apa-apa bukti dan keterangan terhadap mereka hendaklah mereka dengan segera dibawa ke hadapan sebuah Mahkamah yang berbidang kuasa untuk membicarakan mereka tanpa sebarang kelengahan lagi+.

(Menteri Dalam Negeri)

64. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri supaya dengan segera mengambil langkah membebaskan semua tahanan Akta Keselamatan Dalam negeri yang ditahan kononnya atas dakwaan terlibat dengan kegiatan militan Hindu Hindraf dan jika pihak keselamatan mempunyai apa-apa bukti dan keterangan terhadap mereka hendaklah mereka dengan segera dibawa ke hadapan sebuah Mahkamah yang berbidang kuasa untuk membicarakan mereka tanpa sebarang kelengahan lagi+.

(Menteri Dalam Negeri)

65. **Tuan Zulkifli Bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]** akan mencadangkan:-

%Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya mengkaji dan melaksanakan projek membesarkan dan membaik pulih Masjid JameqBandaraya Kuala Lumpur termasuk membina mihrab dan mimbar baru yang bersesuaian, menurap keseluruhan tapak Masjid tersebut dengan marmar sebagaimana yang dibuat di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi serta memperkukuhkan bumbung Masjid tersebut agar dapat menampung jemaah untuk mengerjakan solat terutamanya solat Jumaat dan kedua Aidilfitri dan Aidiladha memandangkan pertambahan jemaah yang semakin meningkat mutakhir ini+.

(Perdana Menteri)

**NG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2008</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.175	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Minyak Sawit Malaysia Bagi Tahun 2007. (Telah Diaudit)	16 MAC 2009

<u>TAHUN 2009</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.1	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Stadium Merdeka (PSM) Bagi Tahun 2007.	16 MAC 2009
ST.8	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Lada Malaysia Bagi Tahun 2007.	16 MAC 2009
ST.10	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Bagi Tahun 2007.	16 MAC 2009
ST.18	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) Bagi Tahun 2007.	16 MAC 2009
ST.20	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi (PAK) Bagi Tahun 2007.	16 MAC 2009
ST.24	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia Bagi Tahun 2007.	16 MAC 2009
ST.29	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Bagi Tahun 2007.	16 MAC 2009
ST.31	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Wilayah Pembangunan Iskandar Bagi Tahun 2007.	16 MAC 2009